

**DALAM MAHKAMAH MAJISTRET DI KUALA LUMPUR  
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR  
GUAMAN SIVIL NO. WA-A72NCVC-6057-11/2021**

**ANTARA**

**SG HOME STYLE SDN BHD**

**[No. Syarikat : 527728-P]**

**PLAINTIF**

**DAN**

**NG KIM LIAN**

**[No. K/P : 690921-06-5177]**

**DEFENDAN**

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**(Keputusan selepas Bicara Penuh)**

**LATARBELAKANG KES**

1. Plaintiff di dalam tindakan ini menuntut terhadap Defendan jumlah RM73,213.55 iaitu baki bayaran bagi perkhidmatan renovasi oleh Plaintiff di premis Defendan iaitu Unit A-5-1, Seni Mont Kiara, Changkat Duta Kiara, Mont Kiara, Kuala Lumpur, faedah dan kos.
2. Selepas tuntutan ini difailkan, Defendan telah bersetuju untuk membayar RM51,406.35 kepada Plaintiff dan meninggalkan baki tuntutan berjumlah RM21,807.20, faedah dan kos.
3. Jumlah RM21,807.20 tersebut merupakan yuran kehadiran (*attendance fee*) Plaintiff sebanyak 15% daripada nilai kerja pertukangan kayu dan kerja pemasangan lantai kayu. Defendan mempertikaikan tuntutan ini dan faedah



1.5% sebulan ke atas jumlah tuntutan dikira dari 16.3.2021 sehingga tarikh penyelesaian penuh jumlah penghakiman.

4. Semasa perbicaraan penuh, Plaintiff telah memanggil 3 orang saksi iaitu;

- i. Hooi Lai Chin SP1
- ii. Hooi Chee Wai SP2
- iii. Lim Boon Kian SP3

dan Defendan memanggil seorang saksi iaitu;

- i. Ng Kim Lian SP4

5. Pihak-pihak telah menyenaraikan 5 isu-isu yang perlu dibicarakan namun mahkamah memutuskan 2 isu utama yang perlu diputuskan adalah;

- a) Samada Plaintiff berhak menuntut jumlah RM21,807.20 iaitu kos kehadiran (*attendance fee*) bagi kerja perkayuan dan pemasangan lantai kayu; dan
- b) Samada Plaintiff berhak menuntut faedah 1.5% sebulan terhadap jumlah tuntutan sebanyak RM73,213.55 daripada Defendan.

## UNDANG-UNDANG

6. **Seksyen 101 dan 102 Akta Keterangan 1950** memperuntukan seperti berikut;

***“101 Burden of proof***

*(1) Whoever desires any court to give judgment as to any legal right or liability, dependent on the existence of facts which he asserts, must prove that those facts exist.*

*(2) When a person is bound to prove the existence of any fact, it is said that the burden of proof lies on that person.*



## **102 On whom burden of proof lies**

*The burden of proof in a suit or proceeding lies on that person who would fail if no evidence at all were given on either side."*

7. Mahkamah juga merujuk kepada otoriti di dalam kes Mahkamah Rayuan, **CHEONG HENG LOONG GOLDSMITHS (KL) SDN BHD & ANOR v. CAPITAL INSURANCE BHD [2004] 1 CLJ 357;**

*"The true test of onus in the case of 'shifting' has been thus put by Lord Hanworth*

*MR:*

*It appears to me that there can only be sufficient evidence to shift the onus from one side to the other if the evidence is sufficient prima facie to establish the case of the party on whom the onus lies. It is not merely a question of weighing feathers on the one side or the other, and of saying that if there were two feathers on one side and one on the other that would be sufficient to shift the onus. **What is meant is, that in the first instance the party on whom the onus lies must prove his case sufficiently to justify a judgment in his favour if there is no other evidence.**"*

## **DAPATAN MAHKAMAH**

8. Setelah meneliti keseluruhan pliding, keterangan-keterangan lisan dan dokumentar serta hujahan-hujahan bertulis yang telah difailkan oleh peguamcara-peguamcara yang bijaksana, mahkamah membuat dapatan seperti berikut;

**Isu Pertama : Samada Plaintiff berhak menuntut jumlah RM21,807.20 iaitu kos kehadiran (attendance fee) bagi kerja perkayuan dan pemasangan lantai kayu.**

9. Plaintiff mendakwa bahawa Plaintiff berhak mendapatkan bayaran yuran kehadiran berjumlah RM21,807.20 melalui perjanjian secara lisan di antara Cik



Hooi Lai Chin iaitu ejen Plaintiff dan Defendan. Defendan menafikan bahawa pihak-pihak telah bersetuju dengan bayaran tersebut kerana Plaintiff tidak dilibatkan dengan kerja-kerja ubah suai di premis tersebut untuk bahagian lantai dan pertukangan kayu yang mana kerja-kerja tersebut diuruskan oleh kontraktor bebas lain.

10. Jumlah keseluruhan bagi kerja perkayuan dan pemasangan lantai kayu adalah RM145,381.58. Jumlah ini diakui oleh SD1 semasa perbicaraan. 15% daripada jumlah ini adalah RM21,807.20.

11. Dakwaan Plaintiff adalah berdasarkan kepada pesanan Whatsapp di antara Cik Hooi dan Defendan pada 5.11.2020 (mukasurat 73 Ikatan Dokumen Bersama Bahagian B) yang mana Cik Hooi telah menyatakan perkara berikut;

*“Hi David, above is quotation from Ms Sim for White Ash. There are 3 options for consider”*

*“There is no mark-up from our side, if you are ok, we will just take a 15% profit attendance, same as carpentry”*

Dan dijawab oleh Defendan dengan emoji berikut;

👌 ”

12. Plaintiff mendakwa emoji tersebut bermaksud ‘okey’ yang menunjukkan bahawa Defendan telah bersetuju dengan bayaran yuran kehadiran tersebut. Defendan sebaliknya mengatakan bahawa tanda ‘okey’ tersebut bukan bermaksud ‘okey’ atau persetujuan.

13. Semasa perbicaraan, Defendan tidak menjelaskan apakah maksud isyarat tangan tersebut sekiranya ia tidak merujuk kepada ‘okey’ atau persetujuan. Mahkamah mendapati keterangan Defendan berkenaan perkara ini adalah penafian kosong semata-mata.

14. Mahkamah merujuk kepada kes **SEMBAGAVALLY A/P MURUGASON V TEE SENG HOCK [2020] 7 MLJ 1** yang mana Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa;



**“When asked regarding his signature on the document dated 15 April 2016 acknowledging receipt of the cheque, he provided a bare denial. He did not even attempt to explain why his signatures were found on the document. The credibility of SP2 was, therefore, compromised.”**

15. Mahkamah juga mengambil notis kehakiman (*judicial notice*) melalui carian di Wikipedia bagi maksud tanda isyarat tangan ini. Hasil carian melalui laman web [https://en.wikipedia.org/wiki/OK\\_gesture](https://en.wikipedia.org/wiki/OK_gesture) telah memberikan definisi tanda isyarat tangan tersebut seperti berikut;

**“The OK gesture or OK sign or ring gesture (symbol/emoji: "👌") is performed by connecting the thumb and index into a circle and holding the other fingers straight or relaxed away from the palm. Commonly used with divers it signifies "I am OK" or "Are you OK?" when underwater. In most English-speaking countries it denotes approval, agreement, and that all is well or "okay".”**

16. Melihat kepada keseluruhan perbualan di antara Cik Hooi dan Defendan di dalam pesanan Whatsapp, ia adalah amalan Defendan untuk menjawab pesanan Cik Hooi dengan memberikan tanda isyarat yang sama iaitu “👌”. Antara contoh yang boleh dilihat adalah di mukasurat 52, 53, 55, 59, 60, 61, 68, 69, 74, 77 dan 78 Ikatan Dokumen Bersama Bahagian B.
17. Oleh itu, untuk Defendan mengatakan bahawa khusus untuk pesanan di mukasurat 73 berkenaan yuran kehadiran yang mana tanda isyarat yang sama tidak menunjukkan Defendan bersetuju dengan tuntutan Plaintif, pada hemat mahkamah adalah tidak munasabah.
18. Mahkamah juga mendapati dakwaan Defendan bahawa Plaintif, iaitu Cik Hooi tidak terlibat dengan kerja perkayuan dan pemasangan lantai adalah tidak berasas. Rujukan boleh dibuat kepada mukasurat 82-87 Ikatan Dokumen Bersama Bahagian B iaitu perbualan di antara Defendan dan Cik Hooi berkenaan kabinet dapur. Maklumat-maklumat ini disampaikan oleh Defendan kepada Cik Hooi, dan bukannya kepada kontraktor luar yang dilantik oleh Defendan.
19. Selanjutnya, di mukasurat 198-199 Ikatan Dokumen yang sama, adalah perbualan di antara Defendan dan Cik Hooi berkenaan jadual kerja pertukangan termasuklah mukasurat 202, 203, 227, 228-291, yang mana



defendan telah bersetuju semasa perbicaraan bahawa ini adalah melibatkan kerja-kerja pertukangan.

20. Berkenaan tuntutan yuran kehadiran ini, mahkamah mengambil panduan dari otoriti di dalam kes Mahkamah Persekutuan iaitu **PANCARAN PRIMA SDN BHD V ISWARABENA SDN BHD AND ANOTHER APPEAL [2021] 1 MLJ 1**. Rayuan di hadapan Mahkamah adalah berkenaan kuasa penimbangtara yang mana semasa prosiding timbangtara, penimbangtara telah memutuskan seperti berikut;

*"...Based on the facts of this case, I am not persuaded the situation is anywhere close to the above cited cases to merit this Tribunal award of a nominal damages. Similarly, I am not convinced that the claimant's 25% margin or RM2,635,936.26 is fair and reasonable without taking into consideration the risks associated with that of a construction project, especially a civil engineering project is subjected to the vagaries of many unaccounted extraneous factors. **But in the Malaysian construction industry, it is almost a norm when asked to indicate a 'profit and attendance' for having to manage a nominated subcontractor, most contractors would include a margin of 10-15%.***

Setelah meneliti hujah kedua-dua pihak Perayu dan Responden, Mahkamah Persekutuan memutuskan dan mengiktiraf kuasa penimbangtara seperti berikut;

*There is no dispute that the arbitrator in the present case was not a lay arbitrator. He was a professional engineer by profession, a chartered arbitrator and a Fellow of the Chartered Institute of Arbitrators (FCIArb). There was no argument raised at any stage of the proceedings, including before us, that he did not have the requisite special knowledge and expertise to entitle him to make the pronouncement that "in the Malaysian construction industry, it is almost a norm when asked to indicate a 'profit and attendance' for having to manage a nominated subcontractor, most contractors would include a margin of 10-15%."*

*Clearly, the norm that the learned arbitrator was speaking of related to general facts, "that is to say facts which form part of the general body of knowledge within their area of expertise as distinct from facts that are specific to the particular dispute" (Methanex Motunui Ltd, supra ). **The learned arbitrator was therefore competent to draw on his own knowledge and expertise on the existence of the 10-15% no-profit risk norm in the Malaysian construction industry** without giving the parties the*



*opportunity of answering it and showing that his view was wrong (Jordeson & Co, supra ).*

**The power of arbitrators to draw on their own knowledge and expertise in appropriate cases is essential to arbitration in very many cases: Fox and others (supra ).**

21. Daripada keputusan kes **PANCARAN PRIMA** ini, ia menunjukkan bahawa tuntutan yuran kehadiran adalah amalan biasa dalam industri pembinaan.
22. Justeru, berasaskan kepada dapatan-dapatan ini, mahkamah mendapati bahawa Defendan telah bersetuju dengan yuran kehadiran yang perlu dibayar kepada Plaintiff melalui tanda isyarat 'okey' oleh Defendan melalui pesanan Whatsapp dan tiada keterangan lain yang dikemukakan oleh Defendan yang menunjukkan bahawa Defendan telah membantah tuntutan yuran kehadiran tersebut. Menjawab kepada isu pertama, Plaintiff adalah berhak untuk mendapatkan yuran kehadiran berjumlah RM21,807.20 daripada Defendan.
23. **Isu Kedua : Samada Plaintiff berhak menuntut faedah 1.5% sebulan terhadap jumlah tuntutan sebanyak RM73,213.55 daripada Defendan.**
24. Bagi tuntutan faedah 1.5% ke atas jumlah RM73,213.55, mahkamah mendapati kesemua invois-invois (mukasurat 5-51 dan 373-374 Ikatan Dokumen Bersama Bahagian B) yang berkaitan telah dimasukkan di Bahagian A, yang mana kandungan dan keesahan dokumen tidak dipertikaikan. Terma faedah 1.5% tersebut juga telah dinyatakan dalam invois-invois tersebut seperti berikut;  
  
***“3. We reserve the right to charge interest at the rate of 1.5% per month on all overdue accounts.”***
25. Pengenaan faedah 1.5% bagi amaun tertunggak merupakan satu amalan yang telah diiktiraf dan diterima pakai oleh pihak dalam industri perkhidmatan. Rujuk kes **MALPAKAT LEISURE GROUP SDN BHD V EASTERN GLOBAL SUMMIT SDN BHD [2022] MLJU 53.**
26. Defendan tidak pernah pada mana-mana keadaan atau kesempatan, mempertikaikan terma faedah 1.5% tersebut dan adalah tidak munasabah



untuk Defendan pada peringkat ini mempertikaikan mengenai faedah yang dituntut. Tambahan pula, sememangnya diakui bahawa Defendan tidak membayar amaun yang tertunggak sehinggalah Plaintiff memfailkan tuntutan ini di mahkamah.

27. Mahkamah mendapati bagi isu kedua ini, Plaintiff adalah berhak untuk menuntut faedah 1.5% ke atas jumlah RM73,213.55 daripada Defendan dikira dari 16.3.2021 sehingga tarikh penyelesaian penuh dan muktamad.
28. Semasa perbicaraan, Defendan telah mempertikaikan kapasiti Cik Hooi Lai Chin dalam kes ini, namun, pernyataan ini tidak diplidkan di dalam Pembelaan Defendan. Undang-undang adalah mantap bahawa fakta yang tidak diplidkan tidak perlu dipertimbangkan oleh mahkamah ini. Rujuk kes **SAMUEL NAIK SIANG TING v. PUBLIC BANK BHD [2015] 8 CLJ 944** yang telah diputuskan seperti berikut;

**"It is a cardinal rule in civil litigation that parties are bound by their pleadings and are not allowed to adduce facts and issues which they have not pleaded** (see: *State Government of Perak v. Muniandy [1985] 1 LNS 117; [1986] 1 MLJ 490; and Anuar Mat Amin v. Abdullah Mohd Zain [1989] 1 LNS 74; [1989] 3 MLJ 313*). In *Blay v. Pollard & Morris [1930] 1 KB 628*, *Scrutton LJ* ruled that: "Cases must be decided on the issues on the record; and if it is desired to raise other issues there must be pleaded on the record by amendment."

*The Supreme Court in Lee Ah Chor v. Southern Bank Bhd [1991] 1 CLJ 667; [1991] 1 CLJ (Rep) 239; [1991] 1 MLJ 428*, had also emphasised the importance of pleadings and ruled that **where a vital issue was not raised in the pleadings it could not be allowed to be argued and to succeed on appeal.**"

29. Oleh yang demikian, daripada dapatan-dapatan ini, atasimbangan kebarangkalian, mahkamah memutuskan bahawa Plaintiff telah membuktikan tuntutan Plaintiff terhadap Defendan. Tuntutan Plaintiff dengan ini, dibenarkan untuk jumlah RM21,807.20 iaitu bayaran yuran kehadiran sebanyak 15% dari kos kerja lantai kayu dan pertukangan, faedah 1.5% terhadap jumlah RM73,213.55 dikira dari 16.3.2021 sehingga tarikh penyelesaian penuh dan muktamad dan kos tindakan dibenarkan mengikut skala.





Bertarikh 1 Mac 2023

*t.t.*

**SYAJARATUDUR BINTI ABD RAHMAN**

Majistret

Mahkamah Majistret Kuala Lumpur

**Peguamcara Plaintiff**

Khor Wei Wen & Chua Heaw Eng

(Tetuan Heaw Eng & Goh)

**Peguamcara Defendan**

P.S Wong, S.T Chen, H.S Tan & Ryan Wong

(Tetuan WK Wong & Co)



S/N OIFZ202BQkiJAPkcAk/wUA

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal